

Pembiayaan Islam : Pembiayaan Berlandaskan Syariat

Oleh: Nor Alyani Abdul Razak
Pusat Perakaunan dan Kewangan, MKM



Gambar Hiasan

Pengenalan

Kehidupan yang penuh cabaran masa kini menuntut persediaan daripada pelbagai aspek bagi memenuhi keperluan dan kehendak hidup. Setelah tamat belajar, alam pekerjaan pula akan ditempuhi seterusnya, membina keluarga dan mempunyai anak. Fasa – fasa penting dalam kehidupan ini menuntut pelbagai persediaan terutama daripada aspek kewangan. Kebanyakan daripada kita tidak mengalami masalah untuk memenuhi keperluan asas hidup seperti makanan, pakaian, tempat tinggal dan pengangkutan tetapi persekitaran juga turut menuntut kita memenuhi lebih dari sekadar keperluan. Keinginan untuk memiliki kehidupan yang selesa merupakan kehendak hidup dan ia adalah berbeza bagi setiap individu. Pendapatan bulanan yang diperoleh pula kadang kala tidak dapat memenuhi keperluan dan kehendak tersebut. Oleh itu, mendapatkan bantuan kewangan dari pihak ketiga adalah jalan penyelesaiannya. Terdapat banyak produk kewangan di pasaran yang menawarkan bantuan kewangan dengan skim yang pelbagai. Jika dahulu produk kewangan yang ditawarkan hanya secara konvensional dan mengikut acuan bank dari barat, kini kebanyakan institusi kewangan telah beralih kepada penawaran produk pembiayaan Islam yang berlandaskan Syariah. Oleh itu, fokus perlu diberikan bagi melihat sejauh mana penawaran pembiayaan Islam oleh bank dan koperasi kredit mempunyai potensi berkembang, dan seterusnya melihat apakah perbezaan produk pembiayaan Islam berbanding produk pinjaman konvensional yang sedia ada.

Permintaan Terhadap Pembiayaan

Industri perbankan di Malaysia telah bermula pada tahun 1913 dengan penubuhan Malayan Banking Berhad. Tujuan penubuhan bank adalah untuk menawarkan produk-produk kewangan seperti deposit, pinjaman sewa beli, kad debit dan kredit, produk insurans, pelaburan dan perkhidmatan pembiayaan. Namun, di antara produk-produk kewangan yang ditawarkan tersebut, perkhidmatan pembiayaan mengalami kadar permintaan yang tertinggi di pasaran. Secara amnya, permintaan terhadap pembiayaan adalah bertujuan untuk memenuhi keperluan dan kehendak kehidupan seperti membiayai rumah, kenderaan, pendidikan dan keperluan peribadi lain seperti berkahwin atau

menunaikan ibadah haji dan umrah. Terdapat beberapa pilihan bagi memenuhi keperluan kewangan seperti membuat pinjaman daripada saudara mara, ataupun membuat pinjaman dari bank-bank, koperasi atau institusi kewangan yang lain. Terdapat beberapa produk pembiayaan yang ditawarkan bagi memenuhi keperluan peminjam seperti pembiayaan peribadi, pembiayaan perumahan, pembiayaan pendidikan, pembiayaan sewa beli kenderaan dan lain-lain lagi. Kesemua jenis pembiayaan ini ditawarkan kepada pengguna sama ada secara konvensional atau Islam.

Pemilihan terhadap pembiayaan pula bergantung kepada beberapa faktor seperti kadar faedah yang dikenakan, jenis pembiayaan, syarat

Berdasarkan kepada statistik yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia, permintaan terhadap pembiayaan Islam semakin meningkat tahun demi tahun di mana terdapat lebih 20 produk pembiayaan Islam yang dikeluarkan oleh institusi kewangan termasuk koperasi kredit.

pembiayaan dan lain-lain kos yang terlibat dengan pembiayaan. Kadar faedah yang dikenakan oleh institusi kewangan biasanya hampir sama iaitu sekitar 0.75% hingga 2% melebihi kadar pinjaman asas (KPA). Walau bagaimanapun, kadar faedah adalah ditentukan berdasarkan kepada tempoh masa pembayaran balik pembiayaan, jaminan cagaran atau penjamin atas pembiayaan yang dikeluarkan dan keadaan ekonomi semasa negara. Selain daripada kadar faedah dan jenis pembiayaan yang diambil, faktor lain yang mempengaruhi permintaan terhadap pembiayaan adalah kos – kos lain yang berkaitan dengan pemerolehan pembiayaan. Kos- kos ini termasuklah insurans atau takaful atas pembiayaan, pendahuluan bayaran balik bulanan serta caj pengurusan.

Produk pembiayaan yang ditawarkan di Malaysia pada awalnya diberi secara konvensional, iaitu dengan menawarkan produk pembiayaan yang mengenakan faedah atas pinjaman yang diberi. Kini, produk pembiayaan Islam juga turut ditawarkan bagi memenuhi kehendak daripada pengguna Islam yang kian mendapat

permintaan yang semakin tinggi. Berdasarkan kepada statistik yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia, permintaan terhadap pembiayaan Islam semakin meningkat tahun demi tahun yang mana terdapat lebih 20 produk pembiayaan Islam yang dikeluarkan oleh institusi kewangan termasuk koperasi kredit. Malah, menurut sebuah artikel yang dikeluarkan oleh Utusan Malaysia, kadar peningkatan permintaan terhadap produk pembiayaan Islam terutamanya pembiayaan peribadi adalah dua kali ganda lebih tinggi daripada permintaan terhadap kemudahan kad kredit Islam. Pada tahun 2011, peningkatan terhadap produk pembiayaan Islam adalah sebanyak 11 peratus jika dibandingkan dengan tahun sebelumnya.

Pembiayaan Islam VS. Konvensional

Pada awal tahun 80-an, rata-rata pengguna di Malaysia tidak mengetahui tentang kewujudan produk pembiayaan yang mematuhi Syariah, atau lebih dikenali sebagai pembiayaan Islam kerana pada ketika itu, sistem kewangan Islam baru sahaja bertapak dan kesedaran mengenai keperluan mengamalkan urus niaga berlandaskan Islam masih rendah.

Permintaan terhadap produk pembiayaan Islam juga didapati masih kurang jika dibandingkan dengan langganan produk pembiayaan konvensional. Pengguna secara umumnya tidak mempunyai pengetahuan mengenai pengertian muamalat di dalam Islam dan ketiadaan pilihan bagi produk pembiayaan yang lain selain produk pinjaman konvensional. Oleh

Aspek	Produk Kewangan Islam	Produk Kewangan Konvensional
Terma	Pembiayaan	Pinjaman
Konsep	<p>Tidak hanya memperoleh keuntungan semata-mata tetapi turut meletakkan batas agama yang mengutamakan faedah kepada masyarakat.</p> <p>Seseorang individu haruslah mempunyai aset bagi mendapatkan pembiayaan Islam.</p>	<p>Memperoleh keuntungan duniawi semata-mata tanpa meletakkan batas moral.</p> <p>Konsep duit menjana duit diaplikasikan oleh bank konvensional di mana aset tidak untuk mendapatkan pinjaman.</p>

Sumber Pendapatan	Hasil perkongsian keuntungan di antara bank dan pelanggan. Sebahagian daripada pendapatan akan dikeluarkan sebagai zakat bagi memenuhi tanggungjawab sosial.	Hasil faedah tetap yang dikenakan kepada peminjam. Keuntungan yang didapati daripada urusniaga yang dijalankan akan diperoleh 100 peratus oleh bank konvensional.
Modus Operandi	Pampasan akan dicaj ke atas pembiayaan yang tidak dapat dijelaskan dan hasil tersebut akan disalurkan kepada badan kebajikan.	Mengenakan penalti berganda ke atas pinjaman yang lewat dibayar dan diterima sebagai hasil kepada bank konvensional.
Penilaian Kelayakan	Menitik beratkan penilaian ke atas kemampuan pembayaran balik pinjaman dan keupayaan projek yang dibiayainya samada dapat dijayakan oleh peminjam atau sebaliknya.	Tidak memberikan penekanan ke atas kemampuan peminjam untuk membayar balik pinjaman atau menilai sejauh mana keupayaan projek yang dirancang dapat dijayakan oleh peminjam.
Hubungan	Penjual, pembeli atau rakan kongsi.	Pemberi pinjam dan peminjam.

itu, salah faham dan tanggapan yang kurang tepat wujud berkaitan dengan sistem kewangan konvensional dan sistem kewangan Islam.

Ramai yang berpendapat bahawa keduanya seakan sama dan hanya dibezakan dengan terma yang diguna pakai dalam menjalankan urusniaga sahaja. Contohnya, faedah dibandingkan dengan 'Ujr atau upah walaupun terdapat beberapa perbezaan yang nyata antara keduanya.

Produk Pembiayaan Islam

Perbankan Islam di Malaysia bermula pada tahun 1983 dengan penubuhan bank Islam pertama iaitu Bank Islam Malaysia Berhad diikuti dengan penubuhan Bank Muamalat pada tahun 1999. Pengenalan mengenai sistem kewangan Islam di pasaran kewangan negara boleh dikatakan sedang menjalani proses pematangan bagi mencapai kesempurnaan

di dalam urus niaga yang dijalankan di mana masih terdapat kekurangan pada produk yang ditawarkan.

Walaupun bagaimanapun, ia tidak menjadikan produk kewangan Islam tidak sah di sisi agama. Sebaliknya, kekurangan pendedahkan dan pengetahuan mengenai sistem kewangan Islam di kalangan pengguna perlu diperbaiki bagi mengubah persepsi yang tidak tepat terhadap sistem kewangan Islam. Penawaran produk pinjaman yang luas diamalkan mengikut prinsip kewangan barat, iaitu sistem riba' menyebabkan pengguna membuat keputusan mudah apabila menentukan sama ada memilih produk pembiayaan Islam atau konvensional. Allah S.W.T telah menurunkan ayat berikut bagi menjelaskan perbezaan di antara riba dan jual beli supaya kekeliruan tidak timbul.

"Orang – orang yang memakan (mengambil) riba itu tidak dapat berdiri betul melainkan seperti

berdirinya orang yang dirasuk syaitan dengan terhuyung hayang kerana sentuhan (syaitan) itu. Ini kerana mereka mengatakan : Bahawa sesungguhnya berniaga itu sama sahaja seperti riba. Padahal Allah telah menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba. Oleh itu sesiapa yang telah sampai kepadanya peringatan (larangan) dari Tuhannya, lalu dia berhenti (daripada mengambil riba), maka apa yang telah diambilnya dahulu (sebelum pengharaman itu) adalah menjadi haknya dan perkaranya terserahlah kepada Allah dan sesiapa yang mengulangi lagi (perbuatan mengambil riba itu) maka mereka itulah ahli Neraka, mereka kekal di dalamnya. “

(Surah Al- Baqarah, Ayat 275)

Secara umumnya, produk kewangan Islam ditawarkan berdasarkan kepada prinsip-prinsip yang mematuhi Syariah yang mana faedah tidak boleh dibayar atau diterima. Sebaliknya, perkongsian keuntungan adalah digalakkan. Prinsip-prinsip ini adalah diadaptasi di dalam setiap produk kewangan Islam yang ditawarkan termasuk produk pembiayaan.

Wadiah (Penyimpanan selamat)

Wadiah adalah sebuah perjanjian antara pelanggan dan institusi kewangan bagi menyimpan dan menjamin keselamatan wang atau aset yang disimpan oleh pelanggan. Wang atau aset tersebut akan disimpan oleh pihak institusi kewangan sebagai sebuah amanah.

Mudarabah (Berkongsi untung)

Mudarabah membawa maksud berkongsi keuntungan antara pihak institusi kewangan dengan pelanggannya. Menurut konsep ini, institusi kewangan bertindak sebagai pengusaha dan pelanggan bertindak sebagai penyumbang modal. Modal tersebut akan diusahakan oleh pengusaha. Hasil daripada perniagaan tersebut dipanggil keuntungan perniagaan. Keuntungan tersebut akan dibahagikan di antara pengusaha dan penyumbang modal mengikut nisbah yang dipersetujui terlebih dahulu. Jika berlaku keadaan di mana kerugian berlaku, kerugian tersebut akan ditanggung oleh penyumbang modal.

Bai' Bithaman Ajil (Jualan pembayaran tertunda)

Bai' Bithaman Ajil adalah perjanjian antara penjual dan pembeli. Penjual menjual barangan pada harga jualan yang ditambah dengan margin keuntungan. Margin ini dipersetujui dan bayaran balik dibuat sama ada secara sekali gus atau ansuran.

Murabahah (Tambahkan kos)

Murabahah adalah kos tambahan atau margin keuntungan yang dimaklumkan kepada pembeli sebagai tambahan kepada harga jualan sesuatu barangan.

Musyarakah (Usaha bersama)

Musyarakah adalah perkongsian perniagaan secara usaha sama. Keuntungan daripada perniagaan yang dijalankan akan dibahagikan antara rakan kongsi mengikut nisbah yang dipersetujui. Jika berlaku kerugian pula, ia akan dibahagikan mengikut peratus sumbangan modal yang dilaburkan ke dalam perniagaan.

Ijarah Thumma Bai' (Sewa beli)

Konsep ini diadaptasi bagi membiayai barangan pengguna yang kebiasaannya bernilai tinggi. Ia terdiri daripada kontrak Ijarah (pajakan) dan kontrak Bai' (jual beli).

Bai' al Inah (Persetujuan jual dan beli semula)

Bai' al Inah adalah konsep di mana bank menjual sesebuah aset kepada pelanggan dengan bayaran tertanggung dan kemudiannya aset itu dibeli semula oleh bank secara tunai dengan diskaun.

Wakalah (Agensi)

Wakalah adalah perjanjian di antara prinsipal dan ejen. Perjanjian ini adalah bagi tujuan pelaksanaan tugas – tugas tertentu bagi pihak prinsipal. Sebagai balasan, ejen akan dibayar fi atas perkhidmatan yang diberikan.

Qardhul Hassan (Pinjaman ihsan)

Qard adalah kontrak hutang di antara pemberi pinjam dan peminjam. Pemberi pinjam akan memberi pinjaman wang kepada peminjam atas dasar ihsan. Maksudnya, pinjaman diberikan tanpa faedah. Peminjam ingin membayar lebih dari apa yang dipinjam sebagai tanda penghargaan. Namun, tiada perjanjian yang mengikat peminjam daripada berbuat demikian.

Hibah (Hadiah)

Hibah adalah memberi hadiah secara sukarela sebagai balasan di atas manfaat yang diterima.

'Ujr (Upah atau fi)

'Ujr adalah fi yang dikenakan atas perkhidmatan yang diberikan.

Berdasarkan kepada prinsip-prinsip di atas, bank-bank Islam telah menawarkan produk kewangan seperti berikut:

Tujuan Pembiayaan	Produk Pembiayaan
Kenderaan dan perumahan	<ul style="list-style-type: none">• Ijarah (sewa)• Ijarah Thumma al Bai' (sewa diikuti dengan pembelian)• Ijarah Muntahiyah bit Tamleek (sewa diikuti dengan pemilikan)• Musharakah Muntanqisah (pengurangan perkongsiaan diikuti dengan pemilikan sebelah pihak)• Murabahah Lil Ameer Bishira' (perkongsian antara 3 pihak)
Modal kerja dan industri (memperoleh mesin dan bangunan)	<ul style="list-style-type: none">• Istisna' (kontrak pengilangan)• Istisna' diikuti Ijarah• Ijarah Muntahiyah bit Tamleek (sewa diikuti dengan pemilikan)• Musharakah Muntanqisah (pengurangan perkongsiaan diikuti dengan pemilikan sebelah pihak)• Murabahah Lil Ameer Bishira' (perkongsian antara 3 pihak)

Terdapat beberapa ciri yang membezakan produk pembiayaan Islam dengan produk pinjaman konvensional dari beberapa aspek.

Kontrak Tanda Komitmen

Sistem kewangan Islam mengamalkan kontrak jual beli. Kontrak jual beli ini merupakan kontrak yang dimeterai berlandaskan Syariah. Urus niaga yang dijalankan melalui kontrak jual beli juga adalah berlandaskan Syariah dan ia diterima di sisi Allah S.W.T. Bagi sistem kewangan konvensional pula, kontrak yang diguna pakai di dalam menjalankan urus niaga adalah kontrak riba. Kontrak riba adalah haram dan ia tidak diterima Allah.

Penetapan Harga Jualan

Produk – produk pembiayaan Islam yang ditawarkan kepada anggota koperasi adalah melalui kontrak jual beli. Di dalam kontrak tersebut, anggota akan dimaklumkan harga jualan yang sebenar yang akan dikenakan untuk memiliki aset tertentu. Jadi, anggota maklum bahawa hanya jumlah tersebut sahaja yang perlu dibayar. Berlainan dengan produk pinjaman konvensional, anggota tidak mengetahui dari awal di dalam kontraknya, jumlah yang perlu dibayar. Selagi prinsipal hutang belum selesai, koperasi kredit berkenaan akan terus memungut riba daripada anggota. Justeru, riba yang dipungut akan berasaskan oleh kadar BLR bank semasa dan keadaan ekonomi negara.

Riba

Produk pembiayaan Islam akan memaklumkan harga jualan kepada anggota. Harga jualan adalah tetap dan mengandungi harga asal yang ditambah dengan margin untung yang dipersetujui. Ia perlu dilangsaikan dalam tempoh yang ditetapkan. Tiada pertambahan terhadap harga jualan sepanjang tempoh tersebut. Bagi produk pembiayaan konvensional pula, harga jualan adalah harga asal yang ditambah riba hutang. Ia juga perlu dilangsaikan dalam tempoh masa yang ditetapkan. Akan tetapi, sekiranya hutang tidak dapat dijelaskan dalam tempoh yang ditetapkan, riba penangguhan akan dikenakan.

Koperasi Kredit

Koperasi kredit adalah sebuah koperasi yang berdaftar di Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dengan fungsi kredit dan aktiviti utamanya adalah menawarkan perkhidmatan pembiayaan kepada anggota koperasi tersebut. Sesebuah koperasi kredit memberikan pembiayaan menggunakan modal yuran yang dicarum oleh anggotanya pada setiap bulan.

Anggota koperasi kredit pula diwajibkan mencarum modal yuran selain modal syer bagi melayakkannya mendapatkan pembiayaan dari koperasi. Penubuhan koperasi kredit di Malaysia adalah tidak asing lagi apabila koperasi kredit pertama, Koperasi Jimat Cermat dan Pinjaman Telekom Malaysia Berhad (Kota Mas Berhad) ditubuhkan pada 21 Julai 1922. Seterusnya, Kota Mas Berhad dikenali sebagai pelopor kepada penubuhan koperasi kredit dan koperasi lain amnya.

Seperti individu lain, anggota koperasi juga tidak terlepas daripada kesulitan memenuhi keperluan dan kehendak kehidupan. Justeru, terdapat beberapa pilihan yang boleh didapati oleh anggota koperasi bagi memenuhi keperluan kewangan masing-masing. Langkah termudah untuk mendapatkan kelulusan yang cepat adalah dengan membuat pinjaman dari koperasi.

Pinjaman dari koperasi kredit juga lebih bermanfaat kepada anggota jika dibanding dengan membuat pinjaman di institusi kewangan lain. Ini kerana hasil keuntungan yang diperoleh koperasi atas aktiviti kredit yang dijalankan akan disalurkan semula kepada anggota dalam bentuk dividen tahunan dan tabung-tabung kebajikan lain. Berlainan pula dengan institusi kewangan yang lain, hasil keuntungan mereka tidak akan disalurkan kembali kepada peminjam.

Secara amnya, koperasi-koperasi kredit di Malaysia menawarkan beberapa produk pinjaman kepada anggotanya seperti pinjaman peribadi, pinjaman pendidikan, pinjaman kecemasan, pinjaman barang pengguna, pinjaman perumahan dan lain-lain pinjaman.

Produk pinjaman ini ditawarkan mengikut keperluan anggota koperasi masing-masing. Anggota yang ingin membuat pinjaman dari koperasi hendaklah memenuhi beberapa syarat sebelum pinjaman tersebut diluluskan. Sebagai contoh, syarat keanggotaan dalam tempoh tertentu selain telah menjadi anggota penuh dengan melangsaikan semua bayaran wajib seperti modal syer minimum dan fi masuk.

Lazimnya, pinjaman yang telah diluluskan oleh Anggota Lembaga Koperasi (ALK) akan diterima

oleh anggota setelah ditolak sejumlah wang sebagai yuran pemprosesan dan insuran atas pinjaman berkenaan. Manakala anggota yang meminjam pula akan membuat bayaran balik secara ansuran dalam tempoh yang ditetapkan kepada koperasi beserta bayaran faedah yang dikenakan ke atas pinjaman tersebut. Modus operandi aktiviti kredit ini telah dipraktikkan oleh koperasi kredit setelah sekian lama di Malaysia, sebelum produk pembiayaan Islam diperkenalkan.

Selepas itu, banyak koperasi kredit yang menawarkan produk pinjaman konvensional telah beralih kepada penawaran produk pembiayaan Islam.

Potensi Pembiayaan Islam

Walaupun produk pembiayaan Islam di Malaysia telah diperkenalkan oleh bank dan institusi kewangan Islam terlebih dahulu, peranan koperasi kredit dalam menawarkan produk

pembiayaan Islam juga tidak dapat disangkal kepentingannya. Sehingga tahun 2010, jumlah keanggotaan bagi koperasi kredit hampir mencecah 25% daripada jumlah populasi di Malaysia seterusnya menunjukkan terdapat permintaan tinggi terhadap produk pembiayaan yang ditawarkan oleh koperasi kredit. Jumlah ini sangat signifikan dan diperkukuhkan lagi dengan jangkaan sumbangan gerakan koperasi kepada KDNK negara mencecah 5% menjelang tahun 2013.

Rekod pendaftaran koperasi pada tahun 2010 oleh SKM menunjukkan terdapat sebanyak 2 buah bank koperasi dan 613 buah koperasi kredit di Malaysia dengan purata sebanyak 7 buah koperasi kredit ditubuhkan setiap tahun. Walaupun bilangan koperasi kredit yang ditubuhkan tidak sebanyak berbanding jumlah koperasi fungsi lain seperti fungsi pertanian dan perkhidmatan, namun perolehan pendapatan bagi koperasi – koperasi kredit adalah yang tertinggi berbanding koperasi fungsi lain.

Jadual 1: Perangkaan Am Koperasi Mengikut Fungsi Pada 31 Disember 2010

BIL.	FUNGSI	BILANGAN KOPERASI	JUMLAH ANGGOTA	JUMLAH MODAL SYER/YURAN (RM)	JUMLAH ASET (RM)	PEROLEHAN (RM)
1	PERBANKAN	2	813,554	2,362,445,404	56,733,242,511	4,922,574,029
2	KREDIT	613	1,786,508	4,507,384,712	8,119,078,033	1,326,810,294
3	PERTANIAN	1,441	429,559	388,615,588	1,479,849,950	600,463,067
4	PERUMAHAN	118	145,823	162,412,315	666,365,426	49,081,726
5	PERINDUSTRIAN	137	14,467	5,017,038	51,177,619	32,643,171
6	PENGGUNA	1,731	501,765	212,530,614	742,374,930	526,490,488
	- Dewasa	2,135	2,086,950	18,916,728	200,198,773	236,994,964
	- Sekolah					
7	PEMBINAAN	134	38,007	12,659,831	55,201,793	48,805,937
8	PENGANGKUTAN	429	145,193	57,751,635	270,501,096	562,355,156
9	PERKHIDMATAN	1,406	638,215	1,819,434,092	3,466,697,627	1,226,885,588
	JUMLAH	8,146	6,600,041	9,547,167,957	71,784,687,756	9,533,101,420

Jadual 1 menunjukkan perolehan koperasi mengikut fungsi pada 31 Disember 2010. Walaupun jumlah koperasi kredit termasuk bank koperasi hanya terdapat 615 buah, namun jumlah perolehannya adalah yang tertinggi berbanding koperasi fungsi lain iaitu hampir berjumlah RM6.5 billion.

Oleh yang demikian, gerakan koperasi di Malaysia terutamanya koperasi kredit haruslah mengambil inisiatif dengan menawarkan

produk pembiayaan yang dapat menarik minat anggota mahupun bakal anggotanya untuk meminjam. Produk-produk pembiayaan yang ditawarkan haruslah memenuhi permintaan anggota. Misalnya, jika dahulu, anggota tidak mempunyai kesedaran dalam memastikan urusan pinjaman yang dibuat berlandaskan Syariah. Kini, apabila kesedaran mula dipupuk di kalangan anggota, anggota akan mula memilih produk pembiayaan Islam bagi memenuhi kehendak dan keperluan mereka. Ini seterusnya

akan menyumbang kepada pertambahan hasil daripada aktiviti kredit yang dijalankan. Hasil tersebut akan terus dijana untuk pembangunan koperasi pada masa akan datang.

Penawaran produk pembiayaan Islam oleh koperasi kredit di Malaysia berbanding produk pinjaman konvensional dilihat berpotensi membawa koperasi-koperasi kredit maju dan berpendapatan tinggi. Ini kerana SKM dan kerajaan melalui Bank Negara Malaysia (BNM) menggalakkan institusi kewangan termasuk koperasi kredit menawarkan produk pembiayaan Islam. Buktinya, BNM mempunyai panel Syariah sendiri bagi memantau dan mengawal aktiviti pembiayaan Islam yang berlaku di negara ini. Malah, menurut Gabenor Bank Negara, Tan Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz, sistem perbankan Islam yang dijalankan oleh institusi kewangan di Malaysia sehingga kini telah menyumbang sebanyak 20% kepada keseluruhan sistem perbankan negara.

Unjuran pertubuhan bagi institusi perkhidmatan kewangan Islam global dijangkakan mencecah

AS\$ 2 trillion. Dari kanta mikro, pihak yang bertindak sebagai sebuah badan yang mengawal selia gerakan koperasi, SKM juga telah mengeluarkan sebuah garis panduan (GP7: Garis Panduan Mengenai Pembiayaan Islam Oleh Koperasi) pada 16 November 2009 kepada koperasi kredit dalam menawarkan pembiayaan Islam kepada anggotanya. Usaha-usaha ini dilihat sebagai petanda positif daripada kerajaan dan khususnya dari SKM bagi mendokong aktiviti pembiayaan Islam ini terus berkembang di Malaysia. Kemungkinan pada masa hadapan, apabila pembiayaan Islam ini telah diamalkan secara meluas oleh koperasi-koperasi kredit, mereka juga boleh menubuhkan panel penasihat Syariah sendiri bagi membimbing koperasi kredit daripada segi hal ehwal Syariah dalam penawaran produk pembiayaannya. Oleh yang demikian, koperasi-koperasi kredit seharusnya merebut peluang-peluang yang wujud ini dengan menawarkan pembiayaan Islam kerana potensi pertumbuhannya yang amat menggalakkan.

PENUTUP

Ramai pengguna menghadapi dilema dalam memilih di antara produk pembiayaan Islam atau konvensional. Umat Islam terutamanya memilih produk pembiayaan Islam kerana ia dituntut oleh agama untuk hanya memilih produk pembiayaan yang halal. Akan tetapi, produk pinjaman konvensional rata-ratanya menawarkan kadar faedah yang lebih rendah kepada anggota koperasi. Persepsi ini perlu diubah kerana sekiranya keuntungan diperoleh hasil daripada kadar faedah yang rendah dan asas kontrak pula adalah riba, Allah tidak memberi keberkatanNya kepada individu yang memilih produk pinjaman yang haram di sisi agama. Berbeza dengan produk pembiayaan Islam, Allah S.W.T. berfirman;

“Allah susutkan (kebaikan harta yang dijalankan dengan mengambil) riba dan Dia pula mengembangkan (berkat harta yang dikeluarkan) sedekah-sedekah dan zakatnya. Dan Allah tidak suka kepada tiap-tiap orang yang kekal terus dalam kekufuran dan selalu melakukan dosa”
(Surah Al- Baqarah Ayat 276)

Justeru, pilihan untuk menawarkan produk pembiayaan Islam merupakan pilihan yang baik kerana ia dapat memberi peluang kepada anggota koperasi untuk memilih produk pembiayaan Islam. Oleh itu, anggota koperasi di Malaysia terutamanya yang beragama Islam kini mempunyai pilihan apabila mereka boleh memilih di antara pinjaman konvensional yang mengamalkan riba dan melanggar prinsip syariah atau memilih pembiayaan Islam yang mengamalkan sistem kewangan yang mematuhi Syariah. Antara perbezaan utama yang wujud pada produk pembiayaan Islam dan konvensional adalah dari jenis kontrak, penetapan harga jualan dan riba penangguhan, manakala dari aspek rohani, mendapat keberkatan berurus niaga di dalam kehidupan.

Koperasi kredit boleh mengambil contoh cara pengendalian daripada koperasi kredit yang telah berjaya dalam menawarkan produk pembiayaan Islam bagi mengelakkan risiko. Bahkan koperasi kredit yang berjaya juga telah lama menawarkan produk pembiayaan Islam sebagai produk utama mereka. Sebagai contoh, Bank Rakyat, Bank Persatuan, Koperasi Tentera, Koperasi Polis dan banyak lagi. Koperasi-koperasi kredit ini boleh dijadikan contoh yang baik kerana saban tahun mereka menerima keuntungan yang amat memberangsangkan. Bagi pengguna pula, pelbagai produk pembiayaan kini tersedia bagi memenuhi keperluan kewangan masing-masing. Pilihan kini berada di tangan anda. Jadi tepuk dada, tanya selera.

RUJUKAN

Minda: Perbankan Islam Mencipta Kemakmuran. Dicapai pada 29 Disember 2010, daripada http://www.ibfim.com/v2/index.php?option=com_content&view=article&id=3038%3Aminda-perbankan-islam-mencipta-kemakmuran&Itemid=179

Mohamad Syafiqe Bin Abdul Rahim. *Memahami Konsep Sistem Perbankan Islam Secara Ringkas.* Dicapai pada 4 Jun 2001, daripada <http://syafiqe.wordpress.com/2008/06/04/artikel-terkini-memahami-konsep-sistem-perbankan-islam-secara-ringkas/>

Pakdi. (2010). *Rancang Wang Dari Sekarang.* Malaysia: PTS Professional Publishing Sdn Bhd

Pembiayaan peribadi secara Islam paling popular di kalangan pelanggan. Dicapai pada 25 Jun 2007 daripada <http://www.ssm.com.my/ms/node/12811>

Prof. Madya Dr. Ab. Ghani dan Dr. Nor Azzah Kamri (2010). *Pembiayaan Keusahawanan Mengikut Prinsip Islam : Suatu Tuntutan Jihad.* Di *Seminar Keusahawanan Islam II Peringkat Kebangsaan.*

Zaharuddin Abd. Rahman.(2008). *Money, You& Islam Views on Conteporary Financial & Islamic Banking Issues.* True Wealth Sdn Bhd.

Zaharuddin Abd. Rahman. (2009). *Panduan Perbankan Islam.* Malaysia :Telaga Biru Sdn. Bhd.